

BERITA HARIAN

DATE: 18/08/2007

Abdullah gesa generasi muda hayati perjuangan getir jadi bangsa maju, berdaulat

Oleh Misiah Taib

MELAKA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu generasi muda di negara ini memahami dan menghayati makna sebenar kemerdekaan, yang bukan sekadar merayakan dan melautkan 'merdeka' sekali setiap tahun.

Perdana Menteri berkata, merdeka amat besar maknanya dan ia juga tidak sekadar terhad kepada maksud sebuah negara merdeka dan bangsa yang sudah merdeka semata-mata.

"Merdeka ertinya negara kita menjadi negara yang berdaulat, bangsa kita menjadi bangsa yang berdaulat, merdeka juga bererti kita memerintah negara kita sendiri, merdeka ertinya kita menentukan masa depan kita sendiri.

"Merdeka juga bermaksud kita mengisi kemerdekaan supaya kita men-

jadi bangsa yang maju, berjaya dan bangsa yang bermartabat. Merdeka dan bermartabat... inilah erti sebenar kemerdekaan," katanya pada majlis Pelancaran Sambutan Kemerdekaan dan Kibar Jalur Gemilang Sempena Kemerdekaan Negara ke-50 di Dataran Pahlawan di sini, malam tadi.

“Merdeka ertinya negara kita menjadi negara berdaulat, merdeka juga bererti kita memerintah negara kita sendiri”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Hadir sama, Yang di-Pertua Negeri, Tun Mohd Khalil Yaakob dan isteri, Toh Puan Zurina Kassim; isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah; Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim; Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, Menteri-Menteri Besar dan menteri-menteri kabinet.

Terdahulu, Perdana Menteri diarak menaiki kereta Nash Rambler Custom Convertible 1951 dengan nombor pendaftaran M4442, nombor plat dan jenis kereta sama yang pernah dinaiki Tunku Abdul Rahman ketika tiba di lokasi itu yang dulunya dikenali sebagai Padang Pahlawan, untuk mengumumkan tarikh kemerdekaan negara, sekembalinya dari London pada 20 Februari 1956.

Beliau menaiki kenderaan berke-

naan bersama Rais dan Mohd Ali dari Hotel Reinassance sejauh kira-kira 4 kilometer yang mengimbau semula nostalgia yang berlaku 51 tahun lalu, sambil diiringi tujuh penunggang motosikal klasik dan 50 ahli pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) dari Umno, MCA dan MIC.

Abdullah berkata, tugas mengisi kemerdekaan juga belum selesai biarpun dalam tempoh 50 tahun merdeka pemimpin yang bersilih ganti berjaya membangunkan negara sehingga meningkat dari satu tahap ke satu tahap, menjayakan usaha pembangunan, mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Katanya, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab generasi penyambung pada hari ini untuk meneruskan usaha pembangunan bangsa dan negara, sekali gus menambah nilai diri, bangsa dan negara ke tahap

lebih tinggi.

"Kita perlu memperbanyak dan menambahkan mutu serta nilai kerja kita, nilai khidmat kita dan nilai diri kita. Kita perlu memperkasakan diri kita dengan menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan khususnya di bidang sains dan teknologi bagi memajukan lagi negara," katanya.

Beliau turut mengajak generasi muda hari ini supaya terus mempertahankan kemerdekaan dengan sepenuh jiwa dan raga tanpa membenarkan sesiapa pun mencerobohi negara ini, sekali gus membuktikan bahawa mereka menghargai kemerdekaan yang diwarisi pada hari ini.

"Kita perlu membuktikan kepada pemimpin terdahulu bahawasanya kita mengenang jasa mereka yang berkorban dan berjasa kepada bangsa dan negara," katanya.